

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM [TAIPING]**

**TARIKH : 29 SEPTEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN TEH KOK LIM [ TAIPING ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rancangan beliau dalam menangani kejatuhan kutipan hasil untuk tahun 2020 dan 2021 ketika negara berdepan melawan pandemik COVID-19.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada tahun 2020, hasil Kerajaan Persekutuan yang dikutip berjumlah 225.1 bilion ringgit, iaitu kurang berbanding anggaran asal Belanjawan 2020 yang berjumlah 244.5 bilion ringgit. Perbezaan sebanyak 19.4 bilion ringgit ini adalah disebabkan oleh kesan pandemik COVID-19 yang telah menjelaskan perolehan perniagaan dan juga pendapatan isi rumah. Daripada jumlah hasil tersebut, hasil cukai berjumlah 154.4 bilion ringgit (atau 69%), manakala selebihnya 70.7 bilion ringgit (atau 31%) adalah hasil bukan cukai. Bagi tahun 2021 pula, anggaran asal kutipan hasil Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah 236.9 bilion ringgit. Namun, ia perlu disemak semula memandangkan kutipan hasil masih terkesan berikutkan pelaksanaan pelbagai peringkat penutupan ekonomi untuk mengawal penularan pandemik COVID-19.

2. Sejak krisis bermula, keutamaan Kerajaan ialah memastikan negara dapat menangani kesan krisis dan seterusnya kembali ke atas landasan pertumbuhan seperti sebelum krisis melalui bajet mengembang. Di bawah Pelan Pemulihan Negara (atau PPN) yang dilancarkan bulan Jun yang lepas adalah langkah penutupan ekonomi secara bersasar dan

berperingkat yang masih diperlukan bagi mengawal penularan pandemik COVID-19. Bagi membantu rakyat yang terkesan daripada langkah berkenaan, beberapa pakej bantuan dan rangsangan telah disalurkan yang antara lain merangkumi pemberian bantuan tunai, pembiayaan mikro kredit, geran khas dan insentif bagi pengambilan pekerja.

3. Matlamat utama PPN juga ialah menentukan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan mencapai imuniti kelompok secepat yang mungkin bagi membolehkan sektor-sektor ekonomi dan sosial dibuka semula dengan lebih selamat. Ini merupakan kunci utama kejayaan negara untuk keluar dari kancah pandemik COVID-19, memulihkan ekonomi dan secara tidak langsung meningkatkan kutipan hasil Kerajaan Persekutuan.

4. Sebagai langkah langsung, Kerajaan akan terus memperkuuh dan memaksimum kutipan hasil Kerajaan Persekutuan serta meningkatkan keapungan cukai melalui inisiatif pembaharuan cukai. Antaranya ialah pengenaan cukai ke atas rokok elektronik dan vape. Sebuah pasukan petugas pelbagai agensi juga telah ditubuhkan dengan penglibatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional bagi menambah baik kutipan hasil melalui pembasmian aktiviti penyeludupan, terutama barang berduti tinggi. Kawalan ke atas pelesenan dan pengimportan rokok dan produk tembakau diperketatkan dengan membekukan pengeluaran lesen import rokok baharu, memperketatkan pembaharuan lesen import rokok melalui pengenaan kuota import, menghadkan aktiviti *transhipment* rokok di pelabuhan tertentu sahaja dan menjadikan rokok dan produk tembakau sebagai barang berduti di semua Pulau Bebas Cukai.

5. Di samping itu, Kerajaan juga akan menggubal Strategi Hasil Jangka Sederhana, atau dengan izin *Medium-Term Revenue Strategy*, dengan mengkaji dan menambah baik sistem percukaian sedia ada, memperluas asas hasil, memanfaatkan potensi sektor tidak formal, mengurangkan amalan terkurang lapor dan isytihar, mengurangkan ketirisan cukai serta menambah baik pentadbiran cukai melalui pengurusan data yang berkesan dan mengintegrasikan data dengan agensi berkaitan. Langkah percukaian lain yang sedang dalam proses pelaksanaan ialah memperkenalkan nombor cukai pendapatan, atau dengan izin *tax identification number*, bagi setiap individu dan entiti

pembayar cukai. Ia bertujuan supaya semua individu dan entiti yang layak memenuhi obligasi mereka untuk membayar cukai.

6. Kerajaan juga sedang meneliti cadangan pelaksanaan Program Khas Pengakuan Sukarela, atau dengan izin, *Special Voluntary Disclosure Program*, bagi cukai tidak langsung yang ditadbir oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (atau JKDM). Melalui program ini, pembayar cukai digalakkan untuk tampil secara sukarela bagi mengisyiharkan apa-apa cukai yang tidak, terkurang atau tersilap dilaporkan kepada JKDM tanpa dikenakan denda. Selain itu, Sijil Pematuhan Cukai akan diperkenalkan sebagai satu pra-syarat baharu yang perlu dipatuhi oleh penender semasa mengambil bahagian dalam perolehan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.